

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Pusat Asasi Pengurusan
Sent: 08 Mac 2016 15:02
To: UUM - All Staff
Cc: Prof. Dr. Abd Razak B Yaakub; Prof. Madya Md Zahir B Mat Cha; Prof. Madya Dr. Munif Zarirruddin Fikri b. Nordin; Faizah Bt Hashim
Subject: KOMBINASI ILMU DAN AKHLAK YANG BAIK - RESEPI MENJADI INSAN BERGUNA



Pusat Asasi Pengurusan
CENTRE FOR FOUNDATION STUDIES IN MANAGEMENT
Universiti Utara Malaysia

08 Mac 2016 / 28 Jamadilawal 1437H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

KOMBINASI ILMU DAN AKHLAK YANG BAIK - RESEPI MENJADI INSAN BERGUNA



PAP ONLINE : Kehadiran Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) , Prof. Madya Dr. Abdul Malek Abdul Karim ke sesi perjumpaan dengan 142 orang pelajar Program Asasi Pengurusan telah disambut dengan penuh hormat di ruang legar Dewan Seminar 3, STML. Para pelajar lelaki beratur di luar dewan untuk bertemu dan berjabat tangan dengan Dr. Abdul Malek yang diiringi oleh Prof. Dr. Abdul Razak Yaakub, Pengarah, Pusat Asasi Pengurusan, Dr. Dino Khairi Shariffuddin, Pengarah, Jabatan Hal Ehwal Pelajar, Encik Idzwan Yaakub, Pengetua DPP TNB serta Timbalan Pengarah (Pembangunan Pelajar), Pusat Asasi Pengurusan, Prof. Madya Md. Zahir Mat Cha.

Majlis dimulai dengan ucapan aluan Pengarah, Prof. Dr. Abdul Razak Yaakub yang menyentuh tentang pentingnya para pelajar mencari kawan yang boleh membantu mereka dalam aspek pembelajaran. Pelajar juga diminta untuk memantapkan kemahiran bahasa Inggeris bagi menjamin mereka untuk memperolehi *band* yang baik dalam peperiksaan ujian bertulis MUET pada pertengahan Mac ini. Ini adalah kerana keputusan tersebut akan mempengaruhi kelayakan masuk mereka ke program sarjana muda UUM pada awal September nanti.

Majlis perjumpaan yang julung kali diadakan bersama pelajar Asasi Pengurusan bertujuan untuk menyampaikan beberapa maklumat penting yang perlu diberi perhatian seperti fungsi Jabatan Hal Ehwal Pelajar, disiplin dan tata tertib yang berkuat kuasa di dalam kampus, fasiliti yang disediakan di dewan penginapan pelajar dan sebagainya.

Prof. Madya Dr. Abdul Malek turut memberi penekanan kepada kompetensi akademik dan akhlak serta *softskill* yang perlu diterapkan dalam diri setiap pelajar di peringkat awal khususnya pelajar Asasi Pengurusan di usia remaja 19 tahun. Menurutnya, ilmu dan akhlak perlulah seimbang dalam diri para pelajar kerana kedua-dua ciri tersebut akan menjamin lahirnya seorang insan yang berguna kepada agama dan negara.

Seterusnya, beliau meluangkan masa menjawab beberapa soalan yang dikemukakan oleh pelajar seperti perkhidmatan bas pada waktu cuti semester, biasiswa UUM, penggunaan WiFi di bilik penginapan serta perancangan DPP TNB untuk program berbentuk kerohanian khusus kepada pelajar Asasi Pengurusan.

Seorang pelajar yang ditemui, Muhammad Alif Azhan bin Zamri melahirkan rasa puas hati kerana sesi perjumpaan tersebut menjadi platform kepada para pelajar untuk mengemukakan beberapa soalan yang berkaitan hal ehwal pelajar. Di samping itu, penerangan berkaitan fungsi-fungsi dan kuasa Lembaga Pengarah Universiti (LPU) dan Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JPU) merupakan suatu maklumat dan pengetahuan baharu yang perlu diketahui oleh para pelajar.

Majlis tersebut turut dihadiri oleh felo-felo daripada DPP TNB serta staf Pusat Asasi Pengurusan.

SEKIAN.

=====

DARIPADA:
PUSAT ASASI PENGURUSAN
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL.: 04-928 3452/3456
FAKS: 04-928 3453
E-MEL: asasi@uum.edu.my
FACEBOOK: Pusat Asasi Pengurusan
LAMAM WEB : Pusat Asasi Pengurusan